

**TEKS UCAPAN Y.BHG. DATUK REKTOR
SEMPENA MAJLIS AMANAT REKTOR TAHUN 2005
KOLEJ UNIVERSITI TEKNIKAL KEBANGSAAN MALAYSIA (KUTKM)**

TEMPAT:

**DEWAN SRI NEGERI, AYER KEROH
MELAKA**

TARIKH :

05 FEBRUARI 2005

TEKS UCAPAN REKTOR SEMPENA MAJLIS AMANAT REKTOR TAHUN 2005 DI DEWAN SRI NEGERI, MELAKA PADA 05 FEBRUARI 2005.

BISMILLAHIR RAHMANIR RAHIM

ASSALAMUALAIKUM WRT. WBT. DAN SALAM SEJAHTERA

Y.BHG. PROF. DR. AZHARI BIN SALEH, TIMBALAN REKTOR (AKADEMIK)

Y.BHG. DATUK PROF. MADYA DR. ABU BAKAR BIN MOHAMAD DIAH,

TIMBALAN REKTOR (PEMBANGUNAN & PERANCANGAN KORPORAT)

Y.BHG DATO' PROF. DR. MOHD NOR BIN HUSAIN
DEKAN HAL EHWAL PELAJAR

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN UNIVERSITI, DEKAN-DEKAN / KETUA-KETUA JABATAN, YANG DIPERTUA MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR DAN BARISAN EKSKO MPP, STAF DAN WAKIL PELAJAR SERTA SELURUH WARGA KUTKM YANG SAYA HORMATI SEKALIAN.

TERLEBIH DAHULU MARILAH KITA SAMA-SAMA MEMANJATKAN RASA KESYUKURAN KE HADRAT ALLAH SWT KERANA DENGAN IZIN DAN KURNIANYA DAPAT KITA BERSMA-SAMA PADA HARI INI DALAM SATU MAJLIS YANG AKAN DIISIKAN DENGAN PENYAMPAIAN AMANAT REKTOR BAGI TAHUN 2005. PIHAK PENGURUSAN UNIVERSITI TELAH BERSETUJU SUPAYA MAJLIS SEPERTI INI DIADAKAN PADA SETIAP AWAL TAHUN. TUJUANNYA

ADALAH UNTUK MEMBERI KESEMPATAN KEPADA REKTOR MENYAMPAIKAN KEPADA SELURUH WARGA UNIVERSITI APA YANG DIHARAPKAN DAN APA YANG DIRANCANG UNTUK DILAKSANAKAN PADA TAHUN BERKENAAN. SELAMAT TAHUN BARU SAYA UCAPKAN KEPADA SEMUA WARGA KUTKM. SEMOGA DENGAN KEDATANGAN TAHUN BARU INI KITA MENANAM AZAM BARU UNTUK MEMPERTINGKATKAN DIRI KE ARAH MENCAPAI KECEMERLANGAN.

BERSEMPENA DENGAN MUSIM HAJI BAGI TAHUN 1425 HIJRAH INI MARILAH KITA SAMA-SAMA BERDOA AGAR SAUDARA-SAUDARA KITA YANG TELAH MENUNAIKAN IBADAH HAJI DI TANAH SUCI MEMPEROLEHI HAJI YANG MABRUR, INSYA – ALLAH.

MARILAH JUGA KITA SAMA-SAMA MENDOAKAN AGAR MUSIBAH TSUNAMI PADA SKALA YANG

TELAH BERLAKU PADA HUJUNG TAHUN LEPAS TIDAK BERULANG LAGI DAN MANGSA-MANGSA YANG HIDUP DIBERI SEMANGAT DAN KEKUATAN UNTUK MEMULIH DAN MEMBINA SEMULA HIDUP MASING-MASING DENGAN BANTUAN DAN SOKONGAN PELBAGAI PIHAK.

SAUDARA DAN SAUDARI YANG SAYA HORMATI SEKALIAN,

PADA TAHUN INI, UNIVERSITI KITA TELAH MENCAPAI USIA LEBIH EMPAT TAHUN. DALAM TEMPOH EMPAT TAHUN TERSEBUT, KITA TELAH BERJAYA MENGATASI BANYAK CABARAN DAN RINTANGAN UNTUK MEMBANGUNKAN KUTKM HINGGA KE TAHAP SEKARANG. TUGAS UNTUK MEMBANGUNKAN SATU UNIVERSITI BARU BUKANLAH SESUATU YANG MUDAH TETAPI KITA BERJAYA MELAKUKANNYA BERKAT KESABARAN DAN SEMANGAT KERJA BERPASUKAN.

BAGAIMANA PUN PERJUANGAN KITA BELUM SELESAI. INI BENAR KERANA JALAN UNTUK KITA BERGERAK MAJU KE HADAPAN MASIH LAGI PANJANG. MASIH BANYAK YANG PERLU KITA LAKUKAN DAN PERKEMASKAN SUPAYA KITA BERDIRI SAMA GAGAH DENGAN UNIVERSITI-UNIVERSITI LAIN DI NEGARA INI.

VISI KITA ADALAH UNTUK "MENJADI SEBUAH UNIVERSITI TEKNIKAL YANG KREATIF DAN INOVATIF TERKEMUKA DI DUNIA". IA AMAT BERTEPATAN SEKALI DENGAN HASRAT YAB PERDANA MENTERI MAHU MELIHAT NEGARA MALAYSIA MENJADI CEMERLANG, GEMILANG DAN TERBILANG.

DALAM SEKTOR PENDIDIKAN TINGGI NEGARA MISALNYA, KEJAYAAN DUA UNIVERSITI DARI MALAYSIA TERSENARAI DALAM 200 UNIVERSITI TERBAIK DUNIA MENJADI DORONGAN KEPADA

KITA. HAKIKAT INI MEMBUKTIKAN BAHAWA UNIVERSITI MALAYSIA KHUSUSNYA UNIVERSITI AWAM BOLEH MENCAPAI TARAF ANTARABANGSA.

KITA TURUT BERBANGGA DENGAN UNIVERSITI MALAYA DAN UNIVERSITI SAINS MALAYSIA YANG MASING-MASING TELAH DILETAKKAN PADA KEDUDUKAN 89 DAN 111 DALAM SENARAI 200 UNIVERSITI TERBAIK DI DUNIA SEPERTI YANG DILAPORKAN OLEH "TIMES HIGHER EDUCATION SUPPLEMENT 2004" BARU – BARU INI.

JIKA KITA LIHAT SENARAI TERSEBUT, KEDUDUKAN 20 UNIVERSITI TERATAS MELIBATKAN UNIVERSITI DARI TUJUH NEGARA DARI SELURUH DUNIA, MANAKALA KEDUDUKAN 200 UNIVERSITI TERATAS PULA MELIBATKAN UNIVERSITI DARI 29 NEGARA. INI MENUNJUKKAN PENDIDIKAN BUKANLAH MONOPOLI MANA-MANA PIHAK TETAPI SESIAPA

SAHAJA BOLEH CEMERLANG JIKA ADA KESANGGUPAN UNTUK BEKERJA KERAS.

ANTARA KRITERIA UTAMA YANG DIAMBIL KIRA OLEH PANEL PENILAIAN DALAM MELETAKKAN KEDUDUKAN UNIVERSITI-UNIVERSITI INI ADALAH PENILAIAN OLEH RAKAN SEJAWAT ATAUPUN “PEER REVIEW”, HASIL PENYELIDIKAN YANG DILAKUKAN, PRESTASI UNIVERSITI SEPERTI KADAR BILANGAN PELAJAR KEPADA STAF FAKULTI DAN PROGRAM PENGANTARABANGSAAN YANG MELIPUTI BILANGAN PELAJAR DAN STAF AKADEMIK ANTARABANGSA.

MUNGKIN ADA YANG BERPENDAPAT BAHAWA IA AGAK SUKAR UNTUK DILAKUKAN MEMANDANGKAN KEADAAN KITA SEKARANG, TETAPI IA BUKAN JUGA SESUATU YANG MUSTAHIL. APA YANG PERLU DILAKUKAN SEKARANG ADALAH MEMASTIKAN KITA

MEMPUNYAI PERANCANGAN YANG BAIK DAN BERKESAN.

PADA MASA YANG SAMA, PERANCANGAN BERKENAAN PERLULAH DIIKUTI DENGAN PELAKSANAAN YANG PENUH KOMITMEN OLEH SEMUA WARGA KUTKM. INSYA-ALLAH, JIKA KITA BOLEH MELAKUKAN PERKARA INI, SEMUA YANG KITA RANCANG BOLEH MENJADI KENYATAAN.

SAUDARA DAN SAUDARI YANG SAYA HORMATI SEKALIAN,

KEPENTINGAN MENINGKATKAN KUALITI KE ARAH KECEMERLANGAN AMAT DISEDARI OLEH PIHAK PENGURUSAN TERTINGGI UNIVERSITI. OLEH ITU, SATU PERANCANGAN STRATEGIK UNIVERSITI TELAH DIRANGKA DAN DIGUBAL UNTUK TEMPOH 12

TAHUN BERMULA DARI TAHUN 2004 HINGGA TAHUN 2015.

TAHUN 2005 INI ADALAH MERUPAKAN TAHUN KEDUA TEMPOH PELAKSANAAN PELAN STRATEGIK KUTKM BERKENAAN. UNTUK ITU, IA PERLU DIJADIKAN SEBAGAI SATU PANDUAN DALAM MERANCANG DAN MELAKSANAKAN PELAN TINDAKAN UNIVERSITI SUPAYA MATLAMAT DAN SASARAN KITA TERCAPAI.

NAMUN BEGITU, DALAM PELAKSANAAN PELAN TINDAKAN INI, SETIAP PUSAT TANGGUNGJAWAB (PTJ) PERLU PEKA TERHADAP PERKEMBANGAN SEMASA YANG BERLAKU DI DALAM DAN LUAR UNIVERSITI. IA PENTING KERANA DALAM BANYAK KEADAAN IA BOLEH MEMPENGARUHI TAHAP PENCAPAIAN SASARAN YANG TELAH DITETAPKAN.

DALAM MAJLIS INI SAYA INGIN MENGAMBIL KESEMPATAN UNTUK MELETAKKAN ASAS KEPADA PERANCANGAN YANG AKAN DIBUAT DENGAN MEMBERI SENARIO YANG DIJANGKA PADA TAHUN 2005 DAN MENEKANKAN PERKARA-PERKARA PENTING YANG PATUT KITA LAKSANAKAN DAN SASARAN YANG PERLU KITA CAPAI BERDASARKAN PELAN STRATEGIK YANG TELAH DISEDIAKAN.

PEMBANGUNAN KAMPUS

BEBERAPA PERKEMBANGAN TERBARU TELAH BERLAKU BERKAITAN PEMBANGUNAN KAMPUS DAN SEMUA WARGA UNIVERSITI PATUT DIBERI MAKLUMAT TERKINI SUPAYA MENGETAHUI DAN MENGIKUTI PERKEMBANGAN TERSEBUT.

KAMPUS INDUK

KAMPUS INDUK IALAH KAMPUS TETAP UNIVERSITI YANG SEDANG DIBANGUNKAN DALAM KAWASAN DURIAN TUNGGAL DENGAN KELUASAN MELEBIHI 726 EKAR. PEMBANGUNAN FASA 1 DAN FASA 2 TELAH PUN SIAP.

SEPERTI YANG KITA SEMUA SEDIA MAKLUM, FAKULTI KEJURUTERAAN ELEKTRONIK DAN KEJURUTERAAN KOMPUTER (FKEKK) TELAH PUN BERPINDAH KE KAMPUS INDUK PADA 22 NOVEMBER 2004. KINI SEMUA PELAJAR FKEKK MENJALANI KELAS MEREKA DI SANA.

BAGAIMANA PUN, DIDAPATI ADA BEBERAPA MASALAH TIMBUL BERHUBUNG DENGAN PROSES PERPINDAHAN YANG MENYEBABKAN KULIAH TIDAK DAPAT BERMULA DENGAN SEMPURNA TEPAT PADA

TARIKH YANG DITETAPKAN. PADA TAHUN 2005, FAKULTI KEJURUTERAAN ELEKTRIK (FKE) PULA AKAN BERPINDAH. INI DIJANGKA AKAN BERLAKU SEKITAR BULAN MAC NANTI. SEHUBUNGAN DENGAN ITU, SEMUA PIHAK YANG TERLIBAT DALAM PROSES PERPINDAHAN HARUS MENGAMBIL IKTIBAR DARI APA YANG TELAH BERLAKU DALAM PERPINDAHAN YANG MELIBATKAN FKEKK DAN MENENTUKAN PROSES PERPINDAHAN BERJALAN DENGAN BAIK DAN TERATUR TANPA MENIMBULKAN MASALAH KEPADA PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN.

BUATLAH PERANCANGAN DENGAN RAPI DAN DISUSULI DENGAN MULAKAN PELAKSANAAN YANG CEKAP SUPAYA SEMUA PROSES DAN TINDAKAN BERJALAN DENGAN BAIK DAN LANCAR. LAGIPUN KITA MEMPUNYAI MASA YANG AGAK PANJANG DAN TAMBAHAN LAGI PERPINDAHAN TERSEBUT AKAN BERLANGSUNG DALAM WAKTU CUTI SEMESTER.

DALAM SKOP PEMBANGUNAN KAMPUS DI BAWAH RANCANGAN MALAYSIA KE – 8, HANYA BANGUNAN UNTUK DUA FAKULTI TERSEBUT YANG SIAP DIBINA, MANAKALA BAKI PEMBANGUNAN KAMPUS DIJANGKA HANYA BOLEH DILAKUKAN DI BAWAH RANCANGAN MALAYSIA KE – 9 IAITU MULAI TAHUN 2006. KITA MENJANGKAKAN SELURUH KAMPUS INDUK KUTKM DIJANGKA SIAP DALAM TAHUN 2007.

OLEH KERANA PERPINDAHAN FAKULTI MELIBATKAN PELAJAR, MEREKA PERLU DIBERI SEGALA KEMUDAHAN TERMASUK PENGINAPAN. BAGAIMANA PUN PADA MASA INI BELUM ADA LAGI ASRAMA PELAJAR DI DALAM KAWASAN KAMPUS INDUK. SEHUBUNGAN DENGAN ITU, PIHAK UNIVERSITI AKAN MEMASTIKAN KEMUDAHAN PENGINAPAN DIBANGUNKAN SEGERA MEMANDANGKAN PADA KETIKA INI PELAJAR TERPAKSA BERULANG-ULANG ALIK DARI TEMPAT TINGGAL YANG AGAK JAUH.

PEMBANGUNAN ASRAMA PENGINAPAN PELAJAR INI AKAN DIBANGUNKAN MELIPUTI KAWASAN DALAM DAN LUAR KAMPUS. BAGI KEMUDAHAN PENGINAPAN DI DALAM KAMPUS, KITA AKAN MEMULAKAN DUA PROJEK PEMBANGUNAN YANG AKAN MENYEDIAKAN KEMUDAHAN PENGINAPAN UNTUK MENEMPATKAN MASING-MASING 2000 DAN 4000 PELAJAR.

MANAKALA KEMUDAHAN PENGINAPAN YANG DIBANGUNKAN DI LUAR KAMPUS PULA AKAN BOLEH MENAMPUNG 2000 PELAJAR. PEMBANGUNAN KEMUDAHAN PENGINAPAN PELAJAR INI AKAN DISIAPKAN MENJELANG SESI AKADEMIK 2007/08 APABILA SEMUA PELAJAR DIJANGKA BERPINDAH KE KAMPUS INDUK.

MEMANDANGKAN ADA KAWASAN DI KAMPUS INDUK YANG SESUAI DIBANGUNKAN SEBAGAI TEMPAT KEMUDAHAN UNTUK BERIADAH DAN BEREKREASI,

MAKA PIHAK PENGURUSAN UNIVERSITI AKAN TURUT MEMBANGUNKANNYA BAGI KEMUDAHAN SEMUA WARGA KUTKM.

SEBAGAI CONTOH, KEBANYAKKAN KAWASAN DUSUN DALAM KAMPUS INDUK AKAN DIKEKALKAN MANAKALA SEBAHAGIANNYA AKAN DIBANGUNKAN SEBAGAI PUSAT LATIHAN DAN REKREASI UNTUK TUJUAN MELAKSANAKAN PROGRAM LATIHAN SEPERTI ORIENTASI DAN AKU JANJI, PROGRAM HARI KELUARGA DAN BANYAK LAGI. LANGKAH BEGINI BUKAN SAHAJA BOLEH MENJIMATKAN KOS PENGENDALIAN PROGRAM-PROGRAM TERSEBUT TETAPI JUGA MEMBANTU MEWUJUDKAN BUDAYA SIHAT DAN CERGAS DI KALANGAN KITA.

SELAIN ITU, BEBERAPA AKTIVITI KO-KURIKULUM JUGA SESUAI DILAKSANAKAN DI KAMPUS INDUK, UMPAMANYA SUKAN AIR SEPERTI BERKAYAK YANG AKAN MENGGUNAKAN KEMUDAHAN TASIK YANG

TELAH DIBINA, PALAPES DAN LAIN-LAIN AKTIVITI “OUTDOOR”. UNTUK MAKLUMAN SEMUA, PIHAK UNIVERSITI TELAH PUN MEMBUAT PERMOHONAN UNTUK MENDAPAT KELULUSAN KEMENTERIAN PERTAHANAN BAGI MEMULAKAN PROGRAM PALAPES YANG PASTINYA AKAN MENDAPAT MANFAAT DARIPADA KEADAAN KAMPUS INDUK KITA.

SEMENTARA MENUNGGU PEMBANGUNAN SETERUSNYA, PIHAK UNIVERSITI JUGA AKAN MENJALANKAN KERJA MENGINDAHKAN “LANDSCAPE” DI KAMPUS INDUK DENGAN MENANAM POKOK-POKOK YANG SESUAI SEPERTI KESIDANG, CEMPAKA DAN SEBAGAINYA YANG BOLEH MENAMBAHKAN KEHIJAUAN DAN KEHARUMAN ALAM SEKITAR KAMPUS.

KAMPUS BANDAR

MULAI TAHUN INI JUGA, KUTKM AKAN MEMPUNYAI SEBUAH KAMPUS BANDAR DI BANGUNAN KOMPLEKS YAYASAN MELAKA ATAU PUN YANG DAHULUNYA DIKENALI SEBAGAI KOMPLEKS SERI NEGERI DI JALAN HANG TUAH.

KITA AKAN MENYEWA BELI BANGUNAN DI KOMPLEKS TERSEBUT UNTUK MENEMPATKAN BEBERAPA PUSAT TANGGUNG JAWAB (PTJ) TERMASUKLAH INSTITUT PENGURUSAN TEKNOLOGI DAN KEUSAHAWANAN (IPTK) YANG AKAN MENDUDUKI SATU BLOK BANGUNAN. IPTK MENGENDALIKAN PROGRAM SARJANA DAN KEDOKTORAN TERMASUK PROGRAM EKSEKUTIF DI SANA DAN PADA MASA YANG SAMA AKAN JUGA MEMPUNYAI PUSAT PEMBANGUNAN KEUSAHAWANAN YANG BUKAN SAHAJA AKAN MENGANJURKAN PROGRAM LATIHAN

PEMBANGUNAN USAHAWANAN TETAPI JUGA TERLIBAT DALAM KERJA PEMBANGUNAN PRODUK HASIL PENYELIDIKAN YANG DIJALANKAN OLEH UNIVERSITI.

PTJ LAIN YANG AKAN DITEMPATKAN DI KAMPUS BANDAR TERMASUKLAH PUSAT UNIVERSITI INDUSTRI, PUSAT JAMINAN KUALITI DAN AKREDITASI, PUSAT KECEMERLANGAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN, DAN PENERBIT UNIVERSITI.

BAGI MENGAKTIFKAN LAGI KAMPUS BANDAR, KURSUS-KURSUS PROFESIONAL DAN EKSEKUTIF JANGKA PENDEK JUGA AKAN DITAWARKAN. INI TERMASUKLAH “ENERGY EFFICIENCY TRAINING PROGRAMME”, LATIHAN PENGGUNAAN SOFTWARE CATIA DAN SOLIDWORKS, SERTA PELBAGAI KEMAHIRAN ICT. KURSUS-KURSUS LAIN YANG JUGA SESUAI UNTUK DIKENDALIKAN

TERMASUKLAH KURSUS BAHASA, MOTIVASI DAN BINA SAHSIAH.

BUKAN ITU SAHAJA, KEMUDAHAN YANG TERDAPAT DI KAMPUS BANDAR INI JUGA BOLEH DIGUNAKAN SECARA DALAMAN BAGI MENGANJURKAN SEMINAR, PERSIDANGAN, KONVENSYEN DAN BOLEH JUGA DISEWAKAN KEPADA PIHAK YANG BERMINAT UNTUK MENGUNAKANNYA.

BERHAMPIRAN KAMPUS BANDAR TERDAPAT SEBUAH STADIUM YANG BOLEH KITA SEWA UNTUK MENGADAKAN AKTIVITI SUKAN SEPERTI PERMAINAN BOLA SEPAK DAN SEBAGAINYA. STADIUM INI AKAN MENINGKATKAN LAGI KEMUDAHAN UNTUK STAF DAN PELAJAR BERSUKAN DAN BERIADAH.

KAMPUS INDUSTRI

UNIVERSITI MEMBERI PENEKANAN BERAT KEPADA HUBUNGAN KERJASAMA DENGAN INDUSTRI. INI DIASASKAN MELALUI PERJANJIAN PERSEFAHAMAN YANG TELAH DITANDATANGANI DENGAN BEBERAPA INDUSTRI. SEHUBUNGAN DENGAN ITU, UNIVERSITI BERCADANG MENJADIKAN KAWASAN YANG DISEWA DI CUBIC ELECTRONICS SDN BHD (CESB) SEBAGAI KAMPUS INDUSTRI YANG AKAN MENJADI SEBAGAI SIMBOL DAN MANIFESTASI KOMITMEN KITA.

KAJIAN SEDANG DIBUAT SAMA ADA BOLEH DIPINDAHKAN SEMUA BAHAGIAN KAMPUS YANG SEKARANG BERADA DI TAMAN TASIK UTAMA KE BANGUNAN CESB, KECUALI KOMPLEKS MAKMAL DI MANA KITA BERCADANG UNTUK MEMBELI TERUS. PIHAK CESB TELAH BERSETUJU PADA DASARNYA UNTUK MENYEWAKAN KESELURUHAN RUANG

YANG ADA SEKARANG DI SANA DAN MEMBANGUNKAN RUANG TAMBAHAN JIKA PERLU UNTUK KEGUNAAN KUTKM.

KAMPUS INDUSTRI YANG DICADANGKAN AKAN MENEMPATKAN PEJABAT-PEJABAT CANSELORI, PENDAFTAR, BENDAHARI, PERPUSTAKAAN, HAL EHWAL PELAJAR, PEMBANGUNAN, PUSAT KOMPUTER, FKM, FKP, FTMK, PPA DAN PPS MULAI PERTENGAHAN TAHUN INI HINGGALAH KAMPUS INDUK SIAP SEPENUHNYA PADA TAHUN 2007.

DI SAMPING ITU, KITA AKAN MENUBUHKAN SATU PUSAT PEMBUATAN TERMAJU (ADVANCED MANUFACTURING CENTRE – AMC) YANG AKAN DITEMPATKAN DI KAMPUS INDUSTRI. AMC DIRANCANG UNTUK MENJALANKAN AKTIVITI PEMBUATAN KOMPONEN DAN PRODUK, DAN DALAM MASA YANG SAMA BOLEH MEMBERI KEMUDAHAN LATIHAN INDUSTRI. BAJET SEBANYAK

RM12.5 JUTA TELAH DILULUSKAN TETAPI PEMBANGUNAN PUSAT TERSEBUT AKAN DIBUAT SECARA BERPERINGKAT. AMC DIJANGKA AKAN MENYUMBANG KEPADA PENDAPATAN YANG DIJANA SENDIRI OLEH UNIVERSITI.

SEMUA PEJABAT DI KAMPUS INDUSTRI, KECUALI AMC, AKAN BERPINDAH KE KAMPUS INDUK APABILA KAMPUS TERSEBUT SIAP SEPENUHNYA. AMC DIRANCANG KEKAL DI KAMPUS INDUSTRI YANG JUGA AKAN MENEMPATKAN SATU PUSAT LATIHAN INDUSTRI ATAU INDUSTRIAL TRAINING CENTRE (ITC). PUSAT LATIHAN INI AKAN MEMBERI KEMUDAHAN LATIHAN INDUSTRI BUKAN SAHAJA KEPADA KUTKM TETAPI BOLEH JUGA DITAWARKAN KEPADA INSTITUSI PENGAJIAN LAIN. MODEL YANG BOLEH KITA CONTOHI IALAH ITC YANG ADA DI HONG KONG POLYTECHNIC UNIVERSITY.

PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA

PEMBANGUNAN STAF SECARA SEIMBANG ADALAH AMAT PERLU MEMANDANGKAN STAF ADALAH MERUPAKAN ASET UTAMA SESEBUAH ORGANISASI. TANPA PROGRAM PEMBANGUNAN YANG BAIK, PERANCANGAN SERTA MATLAMAT YANG INGIN DICAPAI OLEH ORGANISASI TIDAK AKAN TERCAPAI.

BERMULA DENGAN HANYA SEKUMPULAN KECIL STAF PERINTIS, KUTKM TELAH BERKEMBANG PESAT. SEHINGGA KINI KITA TELAH MEMPUNYAI SERAMAI 1,011 ORANG STAF SEMUANYA YANG TERDIRI DARIPADA 404 ORANG STAF AKADEMIK DAN 607 ORANG STAF SOKONGAN. JUMLAH TERSEBUT DIKIRA DAPAT MEMENUHI KEPERLUAN UNIVERSITI.

NAMUN BEGITU, JUMLAH YANG BESAR TIDAK MENJAMIN KUALITI YANG BAIK. APA YANG PERLU DILAKUKAN ADALAH MENINGKATKAN LAGI TAHAP PROFESIONALISME, PENGETAHUAN DAN KEPAKARAN STAF SUPAYA DAPAT MEMBERIKAN PERKHIDMATAN YANG TERBAIK TERUTAMA KEPADA PELAJAR SEBAGAI PELANGGAN UTAMA.

KELAYAKAN AKADEMIK

SEBAGAI SEBUAH INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI, KUTKM MEMBERI KEUTAMAAN KEPADA PEMBANGUNAN STAF AKADEMIK DENGAN TUJUAN UNTUK MENINGKATKAN KUALITI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN YANG MERUPAKAN FUNGSI TERAS UNIVERSITI. DALAM PELAN STRATEGIK KUTKM, UNIVERSITI TELAH MELETAK SASARAN AKAN MEMPUNYAI 50% STAF AKADEMIK MEMILIKI IJAZAH DOKTOR FALSAFAH MENJELANG TAHUN 2010. WALAUPUN SASARAN INI DI BAWAH APA YANG

TELAH DITETAPKAN OLEH KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI BAGI SEMUA IPTA, IA DIJANGKA REALISTIK BAGI KUTKM SEBAGAI SEBUAH UNIVERSITI BARU.

BUAT MASA INI, KITA TELAH PUN MEMPUNYAI 11 ORANG PROFESOR DALAM PELBAGAI BIDANG BERKAITAN DENGAN KURSUS-KURSUS YANG DITAWARKAN DI KUTKM. DI SAMPING ITU JUGA, KITA MEMPUNYAI SERAMAI 28 ORANG STAF AKADEMIK YANG MEMPUNYAI KELAYAKAN PhD UNTUK MEMBANTU PROSES PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN YANG DILAKSANAKAN.

BILANGAN STAF AKADEMIK YANG TELAH DIBERI KELULUSAN CUTI BELAJAR UNTUK MENGIKUTI PROGRAM IJAZAH TINGGI SEHINGGA KINI ADALAH 160 ORANG IAITU 133 DI PERINGKAT SARJANA DAN 27 ORANG DI PERINGKAT PhD. DARIPADA BILANGAN TERSEBUT ITU, SERAMAI 83 ORANG

TELAH KEMBALI BERTUGAS SEMULA SETELAH BERJAYA MENDAPAT IJAZAH SARJANA.

NAMUN BEGITU, JUMLAH YANG ADA MASIH JAUH DARIPADA APA YANG KITA SASARKAN. OLEH ITU, SEMUA FAKULTI / PUSAT MESTI MEMBUAT PERANCANGAN UNTUK MENCAPAI SASARAN TERSEBUT DAN MENGAMBIL TINDAKAN DENGAN PENGAMBILAN TERUS ATAU PUN SEGERA MENGHANTAR STAF MELANJUTKAN PELAJARAN.

WALAU BAGAIMANA PUN, DALAM KEGHAIRAHAN UNTUK MENGEJAR SASARAN INI, SOAL KUALITI TIDAK HARUS DILUPAKAN. OLEH ITU, INSTITUSI PILIHAN UNTUK MENGHANTAR STAF AKADEMIK KE SANA AKAN DIBUAT DENGAN TELITI DENGAN MENGUTAMAKAN PENGHANTARAN KE UNIVERSITI-UNIVERSITI TERKEMUKA SAHAJA.

PADA MASA YANG SAMA, TUMPUAN JUGA AKAN BERALIH DARI NEGARA UK DAN US YANG MELIBATKAN KOS PENGAJIAN TINGGI KEPADA NEGARA SEPERTI JERMAN, AUSTRALIA DAN JEPUN DENGAN KOS PENGAJIAN YANG LEBIH RENDAH TETAPI MEMPUNYAI KUALITI PENDIDIKAN YANG SETARA.

SELAIN DARI ITU, NEGARA AUSTRALIA UMPAMANYA MEMPUNYAI BEBERAPA BUAH INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI YANG MENAWARKAN STRUKTUR PENGAJIAN HAMPIR SAMA DENGAN KUTKM CONTOHNYA RMIT UNIVERSITY, UNIVERSITY OF TECHNOLOGY SYDNEY, SWINBURNE UNIVERSITY OF TECHNOLOGY DAN UNIVERSITY OF SOUTHERN AUSTRALIA.

NEGARA JERMAN PULA MENAWARKAN TEMPAT PENGAJIAN SECARA PERCUMA DENGAN TANGGUNGAN HANYALAH KEPADA KOS SARA

HIDUP STAF SAHAJA. MANAKALA NEGARA JEPUN JUGA SESUAI MEMANDANGKAN PEMBANGUNAN TEKNOLOGINYA YANG AMAT PESAT SERTA BILANGAN SYARIKATNYA YANG BANYAK DI MALAYSIA.

KEPELBAGAIAN PENDEDAHAN ILMU PENGETAHUAN KEPADA STAF UNIVERSITI INI AMAT BAIK SEKALI MEMANDANGKAN IA BOLEH MENDEDAHKAN PARA PELAJAR KUTKM KEPADA PENGALAMAN YANG BERBEZA.

PELBAGAI USAHA MESTI DILAKUKAN UNTUK MENCAPAI SASARAN BERHUBUNG DENGAN TENAGA PENGAJAR TERTAKLUK KEPADA KEKANGAN PERUNTUKAN DAN KEPERLUAN MEMBERI PERKHIDMATAN KEPADA UNIVERSITI. SEBAGAI USAHA MENJIMATKAN KOS SUPAYA KITA BOLEH MENGHANTAR LEBIH RAMAI STAF AKADEMIK MELANJUTKAN PELAJARAN, PENGAJIAN

PERINGKAT SARJANA DIGALAKKAN DIBUAT DALAM NEGARA, KECUALI UNTUK KES TERTENTU.

USAHA LAIN YANG AKAN DILAKUKAN IALAH “SPLIT PhD PROGRAM” DENGAN UNIVERSITI LUAR NEGARA YANG MEMPUNYAI MoU DENGAN KUTKM DI MANA STAF MENGIKUTI SEBAHAGIAN PROGRAM TERSEBUT DI UNIVERSITI BERKENAAN MANAKALA SEBAHAGIAN YANG LAIN DI KUTKM. BUAT PERMULAAN KITA TELAH PUN MEMPUNYAI SEORANG STAF MENGIKUTI PROGRAM SEPERTI INI IAITU DENGAN COVENTRY UNIVERSITY DAN MENJANGKAKAN RAMAI LAGI BOLEH MENYUSULI APABILA KITA MENANDATANGANI MoU DENGAN BEBERAPA UNIVERSITI DI AUSTRALIA.

UNIVERSITI JUGA AKAN MEMBERI KEMUDAHAN KEPADA STAF MENGIKUTI PROGRAM PhD SECARA SEPARUH MASA SAMA ADA DI KUTKM SENDIRI ATAU PUN DI UNIVERSITI LAIN DALAM NEGARA.

PENDEKATAN BEGINI BOLEH MEMBANTU MENINGKATKAN KEMAJUAN AKTIVITI PENYELIDIKAN UNIVERSITI.

PERSETUJUAN SECARA PRINSIP TELAH DICAPAI BAGI KUTKM MENGENDALIKAN PROGRAM SARJANA DALAM BIDANG AUTOMOTIVE ENGINEERING, MANUFACTURING ENGINEERING DAN ENGINEERING BUSINESS MANAGEMENT DENGAN KERJASAMA COVENTRY UNIVERSITY. PROGRAM INI DIRANCANG UNTUK BERMULA PADA BULAN SEPTEMBER 2005 DAN AKAN MEMPERCEPATKAN LAGI PROSES MENDAPAT BILANGAN STAF YANG BERKELAYAKAN IJAZAH TINGGI DI SAMPING MENJIMATKAN KOS.

KELAYAKAN PROFESIONAL

DI SAMPING MEMILIKI IJAZAH TINGGI, STAF AKADEMIK KUTKM JUGA DIKEHENDAKI MEMPUNYAI PENGALAMAN INDUSTRI ATAU DALAM PENGAMALAN KEJURUTERAAN (ENGINEERING PRACTICE), ATAU PENGALAMAN PROFESIONAL. INI ADALAH UNTUK MENYOKONG PELAKSANAAN PROGRAM AKADEMIK YANG DITAWARKAN OLEH KUTKM YANG BERORIENTASIKAN APLIKASI DAN AMALAN.

UNTUK MENCAPAI TUJUAN TERSEBUT, UNIVERSITI TELAH MELULUSKAN SKIM SANGKUT INDUSTRI (INDUSTRIAL ATTACHMENT SCHEME) YANG MEMBOLEHKAN STAF AKADEMIK BEKERJA DENGAN INDUSTRI UNTUK TEMPOH 3/6/12/24 BULAN. SETAKAT INI BELUM ADA STAF AKADEMIK YANG MENGAMBIL KESEMPATAN SKIM TERSEBUT. FAKULTI / PUSAT DIMINTA MULA MENGHANTAR

STAF UNTUK SANGKUT INDUSTRI PADA TAHUN 2005. KITA BERHARAP AGAR SETIAP FAKULTI AKAN MENEMPATKAN SEKURANG – KURANGNYA LIMA STAF AKADEMIK DI INDUSTRI DALAM TAHUN INI.

SEBAGAI SATU USAHA YANG LEBIH AGRESIF, ADALAH DISARANKAN STAF JUGA MEMBUAT SANGKUT INDUSTRI SECARA TETAP ATAU JANGKA PANJANG IAITU SEBAGAI ASSOCIATE, PAKAR RUNDING ATAU PAKAR RUJUK, MAHU PUN TERLIBAT DALAM PENGURUSAN ATAU PELAKSANAAN PROJEK KHAS. INI BOLEH DILAKUKAN BERMULA DENGAN INDUSTRI DI MANA KITA MEMPUNYAI MoU SEPERTI DRB-HICOM, CTRM, CUBIC ELECTRONICS, MRJ TECHNOLOGIES DAN SEBAGAINYA.

SEIRING JUGA DENGAN HASRAT MENINGKATKAN SKIM SANGKUT INDUSTRI MEMPUNYAI TUJUAN MEMBOLEHKAN STAF AKADEMIK MENDAPAT KELAYAKAN PROFESSIONAL DALAM BIDANG

MASING-MASING. MENGIKUTI PELAN STRATEGIK, KITA MELETAK SASARAN 50% STAF KEJURUTERAAN MEMILIKI STATUS JURUTERA PROFESSIONAL DALAM MASA 10 TAHUN BERKHIDMAT DENGAN UNIVERSITI.

KEMAHIRAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

SEBAGAI SEORANG TENAGA KERJA YANG TUGAS UTAMANYA MENJALANKAN AKTIVITI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN, STAF AKADEMIK DI KUTKM PERLU MAKLUM BAHAWA KEMAHIRAN MENGAJAR ADALAH SATU PERKARA UTAMA YANG MEREKA PERLU MILIKI.

ATAS SEBAB ITU JUGALAH KITA TELAH MENUBUHKAN PUSAT KECEMERLANGAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BAGI MELATIH DAN MENDEDAHKAN SEMUA STAF AKADEMIK

KEPADA KAEDAH PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN YANG BERKESAN. LATIHAN YANG DIKENDALIKAN OLEH PUSAT INI AKAN MEMBERI TUMPUAN KEPADA PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN YANG BERORIENTASIKAN APLIKASI DAN AMALAN.

STAF YANG TELAH MENGIKUTI PROGRAM LATIHAN DENGAN JAYA AKAN DIANUGERAHKAN SIJIL KOMPETENSI. SEBAGAI BUKTI UNIVERSITI MENGAMBIL BERAT TERHADAP KUALITI TENAGA PENGAJAR, PENGURUSAN UNIVERSITI SEDANG MENIMBANGKAN CADANGAN PEMILIKAN SIJIL KOMPETENSI SATU SYARAT PENGESAHAN JAWATAN DAN KENAIKAN PANGKAT.

SEIRING JUGA DENGAN HASRAT MENINGKATKAN KUALITI STAF AKADEMIK, TUMPUAN JUGA HARUS DIBERIKAN KEPADA USAHA MEMANTAPKAN PENGUASAAN BAHASA INGGERIS DI KALANGAN

MEREKA. BAHASA GLOBAL INI WAJIB DIKUASAI KERANA VISI KITA ADALAH UNTUK MENJADI SEBUAH UNIVERSITI TEKNIKAL TERKEMUKA DI DUNIA. PENGUSAHAAN BAHASA INGGERIS AMATLAH PENTING DALAM USAHA KE ARAH PENGANTARABANGSAAN (INTERNATIONALIZATION) YANG SEMAKIN DIBERI PENEKANAN.

SEBAGAI PENDEDAHAN TAMBAHAN, STAF AKADEMIK JUGA DISARANKAN MENGUSAI BAHASA KETIGA DENGAN MEMILIH SALAH SATU BAHASA UTAMA DUNIA SEPERTI BAHASA ARAB, JERMAN, JEPUN, MANDARIN, PERANCIS DAN SEPANYOL. KESEMUA BAHASA INI BOLEH DIPEJARI SECARA DALAMAN TANPA PERLU MENGHANTAR MEREKA KELUAR. SAYA HARAP PPA DAPAT MEMBANTU KE ARAH MENAWARKAN KURSUS BAHASA INI. IA JUGA AKAN SEKALIGUS MEMBERIKAN STAF AKADEMIK PELUANG BERSEEDIA

SEBELUM MELANJUTKAN PELAJARAN DI NEGARA BERKENAAN.

BUKAN ITU SAHAJA, KEMAHIRAN DALAM ICT JUGA AMAT PENTING KERANA KEMAJUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BERGERAK SEIRING DENGAN PERKEMBANGAN TEKNOLOGI ICT. SELAIN DARI KEMAHIRAN ASAS, STAF AKADEMIK PERLU JUGA MAHIR DALAM PENGGUNAAN PERISIAN YANG LUAS DIPAKAI DI INDUSTRI.

AKHIR SEKALI, STAF AKADEMIK JUGA HARUS DILENGKAPKAN DENGAN KAEDAH DAN AMALAN PENGURUSAN AKADEMIK YANG BAIK BAGI MEMBOLEHKAN MEREKA MENJADI PENTADBIR YANG BERKESAN. UNTUK ITU, KEMAHIRAN GENERIK SEPERTI BERKOMUNIKASI SECARA BERKESAN DAN MEMOTIVASIKAN DIRI PERLU ADA BAGI MEMBOLEHKAN MEREKA BEKERJA SEBAGAI

SATU PASUKAN DAN MENYAMPAIKAN IDEA DENGAN BAIK.

INI KERANA BEKERJA DALAM SESEBUAH ORGANISASI MEMERLUKAN SESEORANG BERINTERAKSI DENGAN ORANG LAIN DENGAN BAIK BAGI MENGELAKKAN KONFLIK. PADA MASA YANG SAMA, PERHUBUNGAN YANG BAIK DENGAN PELAJAR BOLEH JUGA MEMPENGARUHI MOTIVASI TERHADAP PROSES PEMBELAJARAN DAN PERSEPSI PELAJAR TERHADAP KESELURUHAN ORGANISASI UNIVERSITI.

DIKESEMPATAN INI SAYA JUGA INGIN MEMAKLUMKAN BAHAWA SEMUA YANG SAYA SEBUT INI IAITU BERMULA DENGAN KELAYAKAN AKADEMIK SEHINGGALAH KELAYAKAN PROFESIONAL DAN KEMAHIRAN DIRI, KESEMUANYA BAKAL MENJADI KRITERIA KENAIKAN

PANGKAT DENGAN MERANGKUMI JUGA KRITERIA YANG LAZIM DIGUNAKAN.

STAF SOKONGAN

WALAUPUN TUMPUAN UTAMA DIBERIKAN KEPADA STAF AKADEMIK INI TIDAK BERMAKNA PERANAN KUMPULAN SOKONGAN DAN PENTADBIRAN DIKETEPIKAN. IA JUGA TURUT DIBERI PERHATIAN KERANA TANPA PERANAN YANG AKTIF DAN BERKESAN STAF SOKONGAN MAKA UNIVERSITI TIDAK AKAN BOLEH BERGERAK DENGAN BAIK DAN LANCAR.

DALAM HAL INI, PROGRAM PEMBANGUNAN STAF SOKONGAN PERLU DIRANCANG DENGAN BAIK BERDASARKAN POLISI YANG SESUAI. SEBAGAI CONTOH, STAF SOKONGAN JUGA BOLEH DIBERI PELUANG MENGIKUTI PROGRAM CUTI BELAJAR

UNTUK MENDAPAT IJAZAH TINGGI DI MANA ADA KEPERLUAN.

STAF SOKONGAN JUGA AKAN DIBERI PELUANG DAN KEMUDAHAN UNTUK MENINGKATKAN PENGETAHUAN DAN KEMAHIRAN YANG RELEVAN SEPERTI BAHASA, KOMUNIKASI, PENGURUSAN, DAN ICT.

KEMAHIRAN BAHASA INGGERIS PERLU DITEKANKAN SEBAGAI SESUATU YANG MESTI DIMILIKI OLEH STAF SOKONGAN KERANA MENGHARUNGI DUNIA ERA GLOBALISASI PADA KETIKA INI, MEMERLUKAN KITA BERURUSAN DENGAN PIHAK LAIN DI PERINGKAT ANTARABANGSA. INI DITAMBAH PULA DENGAN HASRAT MENINGKATKAN PROGRAM PENGANTARABANGSAAN YANG SEMESTINYA MEMERLUKAN KEMAHIRAN BAHASA INGGERIS.

KERJASAMA UNIVERSITI INDUSTRI

SEBAGAI SEBUAH UNIVERSITI YANG MENGAMALKAN KAEDAH PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BERORIENTASIKAN APLIKASI DAN AMALAN, KEJAYAAN PROGRAM AKADEMIK YANG DITAWARKAN BANYAK BERGANTUNG KEPADA KERJASAMA ERAT DENGAN INDUSTRI. KITA MENGGUNAKAN STRATEGI PERKONGSIAN PINTAR SUPAYA KEDUA-DUA BELAH PIHAK MENDAPAT MANFAAT DAN OLEH ITU HUBUNGAN KERJASAMA DAPAT BERPANJANGAN.

SATU LANGKAH YANG DIAMBIL UNTUK MEMANTAPKAN KERJASAMA UNIVERSITI INDUSTRI IALAH PENUBUHAN PANEL PENASIHAT INDUSTRI (INDUSTRIAL ADVISORY PANEL). KEANGGOTAANNYA TERDIRI DARIPADA PAKAR INDUSTRI DALAM DAN LUAR NEGARA YANG AKAN MEMBERI NASIHAT KEPADA UNIVERSITI DALAM HAL

MEMPERTINGKATKAN HUBUNGAN DAN SOKONGAN INDUSTRI. MESYUARAT PERTAMA PANEL DIJANGKA AKAN DIADAKAN PADA BULAN APRIL TAHUN INI.

KITA TELAH MEMPUNYAI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MoU) DENGAN BEBERAPA SYARIKAT IAITU SOLIDWORKS, CUBIC ELECTRONICS, DRB-HICOM, CTRM, MAYA ARTIFICIAL INTELLIGENCE, MRJ, ROBOMATICS, KRU DAN DTEX INTERNATIONAL. NAMUM BEGITU PENGISIANNYA PERLU DILAKUKAN MALAH DIPERTINGKATKAN KERANA PENCAPAIAN SEHINGGA KINI KURANG MEMBERANGSANGKAN.

OLEH ITU, MULAI TAHUN 2005 INI, SETIAP PIHAK YANG BERTANGGUNGJAWAB TERHADAP MoU TERTENTU MASING-MASING DIMINTA MENINGKATKAN AKTIVITI KERJASAMA DAN MENYEDIAKAN LAPORAN KEMAJUAN SETIAP ENAM BULAN SEKALI BAGI TUJUAN PEMANTAUAN. INI

BAGI MENGOPTIMUMKAN USAHA MEMANFAATKAN PELUANG DAN MENGELAKKAN BERLAKUNYA PEMBAZIRAN DARI SEGI SUMBER YANG ADA PADA KITA. LAPORAN PERTAMA MESTILAH DIBENTANGKAN KEPADA SENAT PADA BULAN JUN.

ADALAH MENJADI TANGGUNGJAWAB SETIAP FAKULTI DAN PUSAT YANG BERKAITAN UNTUK MENGENALPASTI PROJEK-PROJEK PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN (R&D) YANG SESUAI UNTUK DILAKSANAKAN BERSAMA INDUSTRI. IA BOLEH DILAKUKAN DENGAN MENGGUNAKAN PELBAGAI GERAN PENYELIDIKAN SEPERTI IRPA DAN IRGS ATAU PUN DALAM BENTUK PENYELIDIKAN KONTRAK.

ANTARA BIDANG-BIDANG PENYELIDIKAN YANG TELAH DIKENALPASTI UNTUK DILAKSANAKAN DENGAN KERJASAMA INDUSTRI ADALAH "SOLUTION OF HEAT DISSPATION PROBLEM IN IC

PACKAGING”, DAN “AUTONOMOUS VEHICLE SYSTEM”.

PERTANYA PADA TAHUN LEPAS, AMALAN INI BENDAKLAH DITERBUKAN DAN DIPERTINGKATKAN UNTUK MEMPERGIATKAN LAGI USAHA INI, SKIM “ADJUNCT PROFESSOR” TELAH PUN DILULUSKAN DAN BOLEH MULA DILAKSANAKAN DENGAN MELANTIK PAKAR DARI INDUSTRI KHUSUSNYA UNTUK MEREKA MENYUMBANG PENGETAHUAN, KEMAHIRAN, KEPAKARAN DAN PENGALAMAN CONTOHNYA DENGAN MENGAJAR MODUL MATA PELAJARAN YANG BERAT KEPADA AMALAN INDUSTRI. INI SECARA TIDAK LANGSUNG DAPAT MEMINDAHKAN KEPAKARAN MEREKA DARIPADA INDUSTRI BUKAN SAHAJA KEPADA PELAJAR TETAPI JUGA KEPADA STAF.

PENGURUSAN

KITA AKAN TERUS BERUSAHA UNTUK MENINGKATKAN KUALITI PENGURUSAN DENGAN PENGGUNAAN ICT SECARA MENYELURUH. SEBAGAI CONTOH, PENGGUNAAN “SMART CARD” SUDAH LAMA DISEBUT DAN DIBINCANG TETAPI BELUM LAGI DILAKSANAKAN. SAYA HARAP INI AKAN DILAKSANAKAN MULAI TAHUN 2005.

SELAIN DARIPADA ITU, DALAM USAHA KITA BERGERAK KE ARAH PENGGUNAAN ICT SECARA LEBIH MELUAS LAGI, SISTEM PENGURUSAN UNIVERSITI AKAN BERTERASKAN MEDIA DAN TEKNOLOGI ELEKTRONIK. INI AKAN MENINGKATKAN LAGI KUALITI PENGURUSAN DI SAMPING MENGELAKKAN PEMBAZIRAN KERANA TERLALU BANYAK MENGGUNAKAN KERTAS SERTA MENJIMATKAN BANYAK RUANG YANG DIGUNAKAN UNTUK MENYIMPAN FAIL DAN DOKUMEN.

KITA TELAH MENGORAK LANGKAH DENGAN MENGADAKAN MESYUARAT E-SENAT YANG PERTAMA PADA TAHUN LEPAS. AMALAN INI HENDAKLAH DITERUSKAN DAN DIPERTINGKATKAN SERTA DIPERLUASKAN SEHINGGA MERANGKUMI SEMUA MESYUARAT DAN SEMUA ASPEK PENGURUSAN.

SATU AMALAN YANG SAYA HARAP DAPAT DIMULAKAN IALAH UNTUK MENGGUNAKAN INTERNET DAN E-MAIL SEBAGAI MEDIA KOMUNIKASI RASMI DALAMAN UNIVERSITI. AMALAN INI BOLEH DIMULAKAN SEGERA.

ISU PENTING LAIN YANG AKAN MENCORAKKAN SISTEM PENGURUSAN UNIVERSITI PADA TAHUN INI TERMASUKLAH KUALITI KERJA, KEUTUHAN PENGURUSAN, INTEGRITI, MAJLIS BERSAMA JABATAN, DAN KEPUASAN PELANGGAN.

BAGI MEMPERKUKUHKAN LAGI PENGURUSAN UNIVERSITI SEIRING DENGAN HASRAT KERAJAAN DALAM MEWUJUDKAN PANTADBIRAN AWAM YANG BERINTEGRITI, MAKA SATU JAWATANKUASA INDUK INTEGRITI PERINGKAT KUTKM TELAH BENTUK. DI BAWAH JAWATANKUASA INDUK DITUBUHKAN PULA ENAM JAWATAN KUASA TEKNIKAL YANG MASING-MASING DIKETUAI OLEH PEGAWAI-PEGAWAI TERTINGGI UNIVERSITI YANG AKAN MULA BERGERAK MERANCANG LANGKAH DAN TINDAKAN YANG AKAN DIAMBIL OLEH UNIVERSITI KE ARAH PENGUKUHAN INTEGRITI PENGURUSAN.

SAYA BERHARAP UNIVERSITI AKAN MAMPU MEMBUDAYAKAN NILAI-NILAI MURNI DAN BAIK DALAM DIRI SETIAP WARGA KUTKM SUPAYA MEREKA MENJADI STAF YANG JUJUR, AMANAH, IKHLAS DAN BERTANGGUNGJAWAB SERTA MENGHASILKAN KUALITI KERJA YANG TINGGI.

DALAM LAIN PERKATAAN KITA MENGAMALKAN BUDAYA KERJA CEMERLANG.

SELAIN ITU, PENGGUNAAN SUMBER SECARA BERHEMAH JUGA AKAN MENJADI AGENDA UTAMA TAHUN INI. KEMPEN PENGGUNAAN SUMBER SECARA BERHEMAH TELAH DILANCARKAN PADA 24 JANUARI YANG LALU DENGAN TUJUAN MEMASTIKAN SEMUA WARGA KUTKM MENGGUNAKAN SUMBER SECARA OPTIMUM TANPA ADA PEMBAZIRAN.

IA MERUPAKAN SATU PENDEKATAN YANG BERTERUSAN DAN MERUPAKAN FALSAFAH PENGURUSAN KUTKM. PELAKSANAANNYA AKAN DIPANTAU DARI SEMASA KE SEMASA BAGI MELIHAT KEBERKESANANNYA.

PEMBANGUNAN AKADEMIK

AKTIVITI AKADEMIK

UNTUK MENYEMARAKKAN LAGI BUDAYA KEILMUAN DAN INTELEKTUAL DI KUTKM, KITA MESTI PERTINGKATKAN AKTIVITI AKADEMIK SEPERTI PERSIDANGAN, KONVENSYEN, KOLOKIUUM, SEMINAR, BENGKEL DAN FORUM. PADA TAHUN 2005 INI KITA TELAH BERSETUJU UNTUK MENGANJURKAN SATU PERSIDANGAN ANTARABANGSA PADA PENGHUJUNG TAHUN BERKAITAN PERKONGSIAN PINTAR UNIVERSITI INDUSTRI DAN SEKURANG-KURANGNYA TIGA SEMINAR PERINGKAT KEBANGSAAN.

DI SAMPING ITU, SETIAP FAKULTI / PUSAT DIMINTA MENGADAKAN SIRI SEMINAR BULANAN UNTUK MENGGALAKKAN STAF MASING-MASING MENULIS DAN MEMBENTANG KERTAS KERJA ILMIAH TERMASUK HASIL PENYELIDIKAN DAN KAJIAN YANG DIBUAT. PROGRAM SYARAHAN PERDANA

OLEH PARA PROFESOR DI KUTKM JUGA AKAN DIJADIKAN ACARA TETAP DALAM KALENDAR UNIVERSITI. PERKONGSIAN PENGALAMAN DAN KEPAKARAN OLEH PARA PROFESOR KITA KEPADA MASYARAKAT SECARA MENYAMPAIKAN SYARAHAN DIHARAPKAN MENYUMBANG KEPADA PENINGKATAN KESEDARAN DAN MINAT TERUTAMANYA DALAM BIDANG SAINS DAN TEKNOLOGI.

NICHE AREA

BIDANG TERAS ATAU PUN “NICHE AREA” YANG AKAN DITUMPUKAN DI KUTKM ADALAH DALAM BIDANG PEMBUATAN TERMAJU. INI MERANGKUMI SEGALA PROGRAM YANG MENJADI SOKONGAN KEPADA PEMBUATAN TERMAJU TERMASUKLAH KEJURUTERAAN ELEKTRIK, ELEKTRONIK, KOMPUTER, MEKANIKAL, PEMBUATAN DAN TEKNOLOGI MAKLUMAT.

JUSTERU ITU, SEGALA PROGRAM AKADEMIK, AKTIVITI PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN, DAN PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA HENDAKLAH MENYOKONG USAHA KE ARAH MENCAPAI KECEMERLANGAN DALAM “NICHE AREA” YANG DIPILIH.

IA BUKAN HANYA TANGGUNG JAWAB UTAMA FAKULTI PEMBUATAN TETAPI ADALAH TANGGUNG JAWAB SEMUA. SEBAGAI CONTOH SETIAP FAKULTI SEHARUSNYA JUGA MEMPUNYAI PROGRAM PENYELIDIKAN DAN MENYOKONG BIDANG PEMBUATAN TERMAJU. FTMK CONTOHNYA BOLEH MENGAJI ASPEK PENGGUNAAN TEKNOLOGI ICT DALAM MENINGKATKAN KEBERKESANAN SEKTOR PEMBUATAN DI MALAYSIA KE ARAH MENINGKATKAN KEUPAYAANNYA. SEHUBUNGAN DENGAN ITU, AMC DAN ITC DALAM BENTUK LENGKAPNYA KELAK AKAN MENJADI TERAS

KEPADA KEMAJUAN UNIVERSITI DALAM BIDANG YANG DIFOKUS INI.

BIDANG AUTOMOTIF JUGA AKAN DIBERIKAN PENEKANAN. INI SELARAS DENGAN HASRAT UNTUK MEMBANTU NEGARA DALAM MEMBANGUNKAN SEKTOR INDUSTRI AUTOMOTIF NEGARA BAGI BERSAING SECARA KOMPETITIF MENJELANG PELAKSANAAN ASEAN FREE TRADE AGREEMENT (AFTA) SEPENUHNYA MULAI TAHUN 2005.

KEUSAHAWANAN

SELARAS DENGAN ASPIRASI NEGARA, UNIVERSITI MEMBERI PENEKANAN KEPADA PENGETAHUAN DAN KEMAHIRAN KEUSAHAWANAN UNTUK DISAMPAIKAN KEPADA PELAJAR. UNTUK ITU,

INSTITUT PENGURUSAN TEKNOLOGI DAN KEUSAHAWANAN (IPTK) TELAH DITUBUHKAN.

DI BAWAH IPTK TELAH DITUBUHKAN PUSAT PEMBANGUNAN TEKNOUSAHAWANAN ATAU MALAYSIAN TECHNOPRENUER DEVELOPMENT CENTER (MATDEC). FUNGSI UTAMA MATDEC TERMASUKLAH MENGENDALIKAN PROGRAM LATIHAN UNTUK MEMBANGUNKAN BAKAL USAHAWAN KHUSUS DALAM BIDANG TEKNIKAL DAN AKAN TERLIBAT JUGA DALAM PEMBANGUNAN PRODUK HASIL PENYELIDIKAN YANG BOLEH DIKOMERSILKAN.

MATAPELAJARAN KEUSAHAWANAN ADA DIMASUKKAN KE DALAM KURIKULUM SEKARANG TETAPI DIDAPATI TIDAK MENCUKUPI. LATIHAN BERKALA DALAM BIDANG KEUSAHAWANAN BAGI PELAJAR TELAH PUN DIMULAKAN DAN AKAN DIPERTINGKATKAN PADA TAHUN INI DENGAN

SOKONGAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN KEUSAHAWANAN.

UNIVERSITI JUGA AKAN MENGAJAI CADANGAN UNTUK MEMPERKENALKAN PROGRAM "MINOR" KEUSAHAWANAN UNTUK DITAWARKAN KEPADA SEMUA PELAJAR SARJANA MUDA. PROGRAM DAN AKTIVITI KEUSAHAWANAN PENTING UNTUK MEMBANTU MENGURANGKAN PENGANGGURAN DI KALANGAN SISWAZAH DAN MENINGKATKAN EKONOMI NEGARA. PENCAPAIAN YANG BOLEH DIJADIKAN CONTOH IALAH DI TECHNICAL UNIVERSITY BERLIN DI MANA 25% GRADUAN PENGAJIAN SISWAZAH MEMBUKA SYARIKAT PERUSAHAAN SENDIRI.

PENGANTARABANGSAAN

SELARAS DENGAN HASRAT KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI, UNIVERSITI AKAN BERGERAK MENINGKATKAN USAHA PENGANTARABANGSAAN. INI MENJADI SEMAKIN PENTING DALAM ERA GLOBALISASI DAN PERLU UNTUK MENCAPAI VISI UNIVERSITI MENJADI ANTARA YANG TERKEMUKA DI DUNIA.

KITA MESTILAH TERLEBIH DAHULU MEMBUAT PERSEDIAAN UNTUK MENINGKATKAN PENGANTARABANGSAAN TERUTAMANYA DARI SEGI PENGAMBILAN PELAJAR. UNIVERSITI DIBENARKAN MENGAMBIL 5% PELAJAR ANTARABANGSA BAGI PROGRAM SARJANA MUDA MANAKALA TIADA HAD DITETAPKAN UNTUK BILANGAN PELAJAR ANTARABANGSA BAGI PROGRAM PASCA SISWAZAH. DALAM PERKARA INI, SAYA INGIN MENYARANKAN AGAR KITA

MENAWARKAN PROGRAM SARJANA SECARA KURSUS UNTUK MENARIK RAMAI PELAJAR TERSEBUT.

USAHA TELAH JUGA DIJALANKAN DALAM PEMGAMBILAN STAF ANTARABANGSA SECARA KONTRAK DI MANA KITA DIBENARKAN MENGAMBIL SEHINGGA 30% STAF DARI LUAR NEGARA. BAGAIMANA PUN KITA MASIH MENUNGGU KEDATANGAN SEBILANGAN BESAR MEREKA YANG TELAH KITA TAWARKAN JAWATAN. USAHA PENGAMBILAN PENSYARAH KONTRAK LUAR NEGARA AKAN DITERUSKAN PADA TAHUN INI.

PROGRAM PERTUKARAN PELAJAR SERING DISEBUT SEBAGAI SALAH SATU USAHA PENGANTARABANGSAAN YANG MEMBERI PENDEDAHAN BERFAEDAH KEPADA PELAJAR. BAGAIMANA PUN PERANCANGAN TERPERINCI PERLU DIBUAT UNTUK MEMASTIKAN PROGRAM

TERSEBUT BERJAYA MENCAPAI MATLAMAT MEMANDANGKAN KOS YANG TERLIBAT ADALAH TINGGI.

PERTUKARAN MELIBATKAN PENGAJIAN DALAM TEMPOH SATU SEMESTER DENGAN PERPINDAHAN KREDIT AGAK SUKAR UNTUK DILAKSANAKAN DALAM MASA TERDEKAT. BAGAIMANAPUN KITA TELAH MENCADANGKAN KEPADA UNIVERSITI-UNIVERSITI LUAR NEGARA UNTUK MEMBENTUK RANGKAIAN DENGAN KUTKM BAGI MELAKSANAKAN PROGRAM PERTUKARAN PELAJAR DALAM LATIHAN INDUSTRI. KITA SEDANG BERUSAHA MENDAPAT PERSETUJUAN RAKAN INDUSTRI UNTUK MELAKSANAKAN PROGRAM TERSEBUT.

SATU USAHA PENGANTARABANGSAAN YANG AKAN DILAKUKAN DALAM MASA TERDEKAT IALAH LAWATAN SAMBIL BELAJAR KE INSTITUSI PENDIDIKAN DAN ORGANISASI LUAR NEGARA OLEH

PELAJAR KUTKM. PUSAT PERHUBUNGAN KORPORAT DAN ANTARABANGSA (PPKA) TELAH DIMINTA UNTUK MERINTIS USAHA INI DAN SAYA BERHARAP KITA DAPAT MENGANJURKAN SEKURANG-KURANGNYA TIGA LAWATAN DALAM TAHUN 2005.

UNIVERSITI AKAN MENANGGUNG SEBAHAGIAN DARI KOS MANAKALA PELAJAR YANG TERLIBAT AKAN TURUT MEMBIAYAI KOS BERKENAAN. KITA HARAP MELALUI USAHA INI KITA DAPAT MEMBUKA PERSPEKTIF PELAJAR YANG TERLIBAT DAN SETERUSNYA MERANGSANG MEREKA UNTUK MENJADI LEBIH CEMERLANG DAN BERSEDIA MENGHARUNGI PERSAINGAN DIPERINGKAT GLOBAL.

KURIKULUM PROGRAM AKADEMIK PERLU MENGAMBIL KIRA KEPERLUAN PENGANTARABANGSAAN. SAYA HARAP KITA AKAN

MEMPERKENALKAN UNSUR ANTARABANGSA DALAM PENDENDALIAN SEMUA KURSUS KITA SEPERTI MEMPERKENALKAN AMALAN DI PELBAGAI NEGARA ATAUPUN MEMPERKENALKAN KURSUS SEPERTI INTERNATIONAL FINANCE, BUSINESS, CULTURE AND POLITICS UNTUK MANFAAT PELAJAR.

USAHA KE ARAH PENGANTARABANGSAAN SEBENARNYA BERTUJUAN UNTUK MENINGKATKAN KUALITI AKADEMIK KEPADA TAHAP ANTARABANGSA SUPAYA UNIVERSITI BOLEH MENARIK KEMASUKAN PELAJAR CEMERLANG DARI DALAM MAHUPUN LUAR NEGARA. MELALUI PENGANTARABANGSAAN KITA JUGA INGIN MENYEDIAKAN PELAJAR KITA UNTUK BERSEDIA BERKHIDMAT BUKAN HANYA DALAM MALAYSIA MALAH DI LUAR NEGARA TERUTAMA DI NEGARA MAJU.

UNTUK MEMBANTU USAHA TERSEBUT KITA AKAN MEMPERTINGKATKAN JALINAN HUBUNGAN KERJASAMA DENGAN BEBERAPA UNIVERSITI TERKEMUKA DI DUNIA.

PERSIJILAN ISO, AKREDITASI DAN PENARAFAN UNIVERSITI

ANTARA PERKARA PENTING PADA TAHUN INI ADALAH BERKAITAN DENGAN PERSIJILAN ISO, AKREDITASI DAN PENARAFAN UNIVERSITI. KETIGA-TIGA PERKARA INI SALING BERKAITAN ANTARA SATU SAMA LAIN KERANA IA MENJADI SATU JAMINAN KEPADA KUALITI PROGRAM AKADEMIK YANG KITA TAWARKAN.

UNIVERSITI TELAH PUN MENJALANI AUDIT PEMATUHAN PADA Hujung Tahun 2004 BAGI TUJUAN PERSIJILAN ISO DALAM SKOP

PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN. SETELAH MENYELESAIKAN BEBERAPA PERKARA YANG DIDAPATI TIDAK MEMENUHI KRITERIA PEMATUHAN, KITA DIJANGKA AKAN DIBERI SIJIL MS ISO 9001 : 2000.

SETELAH KITA MENDAPAT SIJIL TERSEBUT KITA PERLU TERUS MENGEKALKAN AMALAN BAIK YANG TELAH DIMULAKAN DI SAMPING MELAKUKAN PENAMBAHBAIKAN UNTUK MENENTUKAN KUALITI PENGAJARAN DAN PENGAJARAN BERADA PADA TAHAP YANG TINGGI.

PESIJILAN ISO DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BOLEH MEMBANTU UNIVERSITI MENDAPATKAN AKREDITASI TERHADAP PROGRAM AKADEMIK YANG DITAWARKAN DARIPADA JABATAN PERKHIDMATAN AWAM (JPA) DAN ENGINEERING ACCREDITATION COUNCIL (EAC). UNIVERSITI BERUSAHA KERAS UNTUK MENDAPAT AKREDITASI

SEBELUM PELAJAR TAMAT PENGAJIAN SUPAYA TIDAK SUSAH MENDAPAT PEKERJAAN.

ISU YANG TIDAK KURANG PENTINGNYA BUAT MASA INI ADALAH BERKAITAN DENGAN KEPUTUSAN KERAJAAN MEMBUAT PENILAIAN TERHADAP UNIVERSITI DAN MEMBERI PENARAFAN ATAU "RATING". UNIVERSITI YANG MEMPUNYAI PENARAFAN YANG RENDAH TIDAK AKAN BERUPAYA MENARIK KEMASUKAN PELAJAR CEMERLANG.

UNTUK MENCAPAI "RATING" YANG BAIK, KITA PERLU MEMENUHI STANDARD MINIMUM YANG TELAH DITETAPKAN OLEH PIHAK JABATAN JAMINAN KUALITI, KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI. UNTUK ITU, KITA BERHARAP SEMUA FAKULTI BERSEEDIA KE ARAH INI. SAYA JUGA INGIN AGAR SELEWAT-LEWATNYA PADA PERTENGAHAN BULAN FEBRUARI KITA MENGADAKAN SATU

PENILAIAN KENDIRI ATAU "SELF ASSESSMENT" BAGI MENGETAHUI DIMANAKAH KEDUDUKAN KUTKM. PJKA SAYA HARAP DAPAT MEMBANTU DALAM HAL INI. LAMBAT LAUN PROSES MEMBERI KEDUDUKAN ATAU "RANKING" KEPADA UNIVERSITI AKAN DILAKSANAKAN HASIL DESAKAN MASYARAKAT UMUM. KUTKM PERLU BERSEEDIA BAGI MENENTUKAN PENARAFAN DAN KEDUDUKAN UNIVERSITI AKAN BERADA PADA TAHAP YANG BAIK.

HAL EHWAL PELAJAR

KOMPONEN YANG SAMA PENTING DALAM PERANCANGAN TAHUN 2005 ADALAH PEMBANGUNAN HAL EHWAL PELAJAR. TIDAK DAPAT KITA NAFIKAN DI SINI BAHAWA GRADUAN KITA ADALAH MERUPAKAN PRODUK YANG AKAN KITA KELUARKAN KEPADA MASYARAKAT DAN NEGARA. PELAJAR ADALAH MERUPAKAN

PELANGGAN UTAMA UNIVERSITI DAN ADALAH AMAT PENTING BAGI UNIVERSITI MEMASTIKAN PERKHIDMATAN DAN KEMUDAHAN YANG DISEDIAKAN BERADA PADA TAHAP YANG TERTINGGI.

UNTUK ITU, SATU PUSAT SEHENTI ATAU “ONE STOP CENTRE” AKAN DIBANGUNKAN BAGI MEMUDAHKAN PELAJAR BERURUSAN DENGAN UNIVERSITI. INI BAGI MENGELAKKAN PARA PELAJAR TERPAKSA MENGHABISKAN BANYAK MASA BAGI MENYELESAIKAN URUSAN MEREKA.

KITA HARUS MEMPUNYAI PROGRAM PEMBANGUNAN PELAJAR YANG LENGKAP SUPAYA MEREKA DITERIMA DENGAN BAIK OLEH MASYARAKAT DAN NEGARA. KITA MAHU MELIHAT PELAJAR TIDAK HANYA DIBANGUNKAN DALAM ACUAN AKADEMIK SAHAJA TETAPI JUGA SAHSIAH DAN AKHLAKNYA. KITA MAHU SEDIAKAN MEREKA

DENGAN PENGETAHUAN DAN KEMAHIRAN YANG MEMBOLEHKAN MEREKA MENJADI PEMIMPIN DALAM BIDANG MASING-MASING SATU HARI KELAK.

SATU PERKARA PENTING YANG MESTI DISEDARI OLEH PELAJAR IALAH APABILA TAMAT PENGAJIAN MEREKA AKAN KELUAR DARIPADA KEPOMPONG UNIVERSITI UNTUK MENYERTAI MASYARAKAT PERDANA.

NEGARA MENARUH HARAPAN TINGGI KEPADA GOLONGAN GRADUAN UNTUK MEMAINKAN PERANAN UTAMA DALAM PEMBANGUNAN. DARI ITU GOLONGAN PELAJAR SEPATUTNYA MEMBUAT PERSEDIAAN DAN MELENGKAPKAN DIRI BUKAN SAHAJA DALAM ILMU PENGETAHUAN DAN KEMAHIRAN TETAPI MELIPUTI PELBAGAI CIRI POSITIF DAN NILAI MURNI TERMASUK JATI DIRI SERTA KEPIMPINAN.

ANTARA SALURAN YANG BOLEH DIBUKAKAN KEPADA PELAJAR UNTUK MENINGKATKAN KEMAHIRAN DAN JATI DIRI ADALAH MELALUI AKTIVITI PERSATUAN-PERSATUAN DAN KELAB-KELAB PELAJAR YANG TELAH, SEDANG DAN AKAN DITUBUHKAN.

AKTIVITI KOKURIKULUM SEPERTI PALAPES YANG KINI SEDANG DALAM PROSES PERMOHONAN MISALNYA, BOLEH MELENGKAPKAN USAHA INI. APABILA PALAPES KUTKM DILULUSKAN, MULAI TAHUN INI IA SUDAH BOLEH BERGERAK DENGAN MENJADIKAN KAWASAN DI KAMPUS INDUK SEBAGAI TEMPAT UNTUK BEROPERASI.

TAHUN INI JUGA ADALAH MERUPAKAN TAHUN YANG BERSEJARAH BAGI KUTKM. KITA SEDIA MAKLUM BAHAWA KUMPULAN PERTAMA PELAJAR KITA KHUSUSNYA DALAM BIDANG ICT TELAH MENAMATKAN PENGAJIAN MEREKA PADA BULAN

OKTOBER YANG LALU. INSYA-ALLAH, PADA BULAN MAC TAHUN HADAPAN, PELAJAR ULUNG BIDANG KEJURUTERAAN PULA AKAN MENAMATKAN PENGAJIAN MEREKA.

PADA BULAN JULAI NANTI SATU MAJLIS KONVOKESYEN AKAN DIADAKAN BAGI MERAIKAN PARA PELAJAR SEMPENA KEJAYAAN MERAHAI KECEMERLANGAN DALAM PENDIDIKAN.

APA YANG PALING PENTING ADALAH UNIVERSITI JUGA AKAN MEMBANTU SEBAIK MUNGKIN BAGI MEMASTIKAN GRADUAN MENDAPAT PEKERJAAN. ANTARA PERKARA YANG AKAN DILAKUKAN ADALAH PENGANJURAN PESTA KERJAYA DI MANA BAKAL-BAKAL MAJIKAN DARI INDUSTRI DIJEMPUT UNTUK MENYAMPAIKAN CERAMAH TENTANG PROSPEK KERJAYA DALAM BIDANG-BIDANG BERKAITAN. DI SAMPING ITU, TEMUDUGA SECARA TERBUKA JUGA BOLEH DILAKUKAN.

PADA MASA YANG SAMA, UNIT ALUMNI UNIVERSITI HARUS MULA BERGERAK KE ARAH PENGUMPULAN MAKLUMAT BEKAS PELAJAR SUPAYA SATU PANGKALAN DATA DAPAT DIWUJUDKAN. INI PENTING KERANA ALUMNI UNIVERSITI BOLEH MENJADI SATU SUMBER SOKONGAN KEWANGAN DAN KEPAKARAN SEKIRANYA IA DIURUSKAN DENGAN BAIK.

SEBAGAI PELANGGAN UNIVERSITI YANG PALING UTAMA, KEBAJIKAN PARA PELAJAR HARUS MENJADI KEUTAMAAN UNIVERSITI. WALAU PUN DALAM KEADAAN KITA SEDANG DALAM PROSES PEMBANGUNAN UNIVERSITI YANG SEDANG BERJALAN, KITA TIDAK BOLEH MENGABAIKAN PERKARA INI. OLEH ITU, SEGALA KEMUDAHAN SEPERTI BILIK KULIAH, PENGINAPAN, PENGANGKUTAN, KAFETERIA, PERUBATAN, SUKAN DAN REKREASI DAN YANG BERKAITAN AKAN DIPASTIKAN BERADA PADA TAHAP YANG SELESA.

SEJAJAR DENGAN KEDUDUKAN KUTKM SEBAGAI SEBUAH UNIVERSITI TEKNIKAL JUGA, KEMUDAHAN ICT AKAN DIPASTIKAN BERADA PADA TAHAP YANG TERBAIK SUPAYA PARA PELAJAR DAPAT MENGOPTIMUMKAN KEGUNAANNYA BAGI TUJUAN PEMBELAJARAN.

PENUTUP

SAYA MENGHARAPKAN AGAR SEMUA WARGA KUTKM BAIK STAF MAHUPUN PELAJAR DAPAT MEMAHAMI DAN MENGHAYATI APA YANG TELAH SAYA SAMPAIKAN DALAM MAJLIS INI. INI BAGI MEMASTIKAN SEGALA YANG PENTING BAGI KEMAJUAN UNIVERSITI DIBERIKAN TUMPUAN YANG SERIUS OLEH SEMUA PIHAK.

AMANAT YANG TELAH DISAMPAIKAN OLEH YAB PERDANA MENTERI DALAM PERTEMUANNYA

DENGAN PARA PENJAWAT AWAM BARU-BARU INI HARUS DIJADIKAN PERINGATAN DAN AMALAN KITA SEMUA. INI KERANA SEBAGAI PENJAWAT AWAM KITA DIKEHENDAKI MENJALANKAN AMANAH DAN TANGGUNGJAWAB YANG TELAH DIBERIKAN OLEH KERAJAAN KEPADA KITA. SEKIRANYA KITA GAGAL, IMEJ KERAJAAN JUGA AKAN TERJEJAS. OLEH ITU AMATLAH PENTING BAGI KITA SEMUA MENGHAYATI IKRAR PERKHIDMATAN AWAM YANG SELALU KITA LAFAZKAN KERANA ITULAH JANJI KITA KEPADA PELANGGAN KITA IAITU MASYARAKAT SECARA KESELURUHANNYA.

JANJI KITA KEPADA PELANGGAN IALAH UNTUK MEMBERI PERKHIDMATAN YANG TERBAIK. JUSTERU ITU, SAYA MENGHARAPKAN KITA SEMUA DAPAT BEKERJA DALAM SATU PASUKAN YANG MANTAP DAN KUKUH UNTUK MENUNAIKAN JANJI TERSEBUT.

SEKIAN, TERIMA KASIH, WABILLAH TAUFIK WALHIDAYAH, ASSALAMUALAIKUM WRT. WBT.